

# Subsidi petrol dua bulan pertama RM500j

BH - 27/3/2007

## Kerajaan belum ada cadangan turun harga minyak: PM

Oleh Abdul Halim Yusoff dan Mohamed Farid Noh

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan belum bercadang untuk mengurangkan harga runcit petrol dan diesel di negara ini walaupun harga minyak mentah dunia sudah menunjukkan penurunan.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat kerana penurunan harga minyak mentah dunia masih belum stabil dan sukar diramal.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan masih menanggung bebanan subsidi yang besar ke atas barangan petroleum dan tahun lalu, ia berjumlah RM7.3 bilion berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM8.15 bilion, walaupun harga minyak mentah menurun pada suku terakhir 2006.

"Malah, bagi tempoh dua bulan pertama tahun ini, jumlah subsidi kerajaan masih besar iaitu lebih daripada RM0.5 bilion," katanya dalam

jawapan bertulis kepada soalan M Kulasegaran (DAP-Ipoh Barat) pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Kulasegaran berhubung keuntungan Petronas, Perdana Menteri berkata, ia (keuntungan) tidak diagihkan secara langsung kepada rakyat negara ini.

Sebaliknya, beliau berkata, keuntungan syarikat petroleum itu disumbangkan kerajaan dalam bentuk dividen, royalti dan cukai pendapatan.

Abdullah berkata, semua pendapatan yang diperoleh kerajaan daripada keuntungan Petronas dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pembangunan negara bagi faedah rakyat melalui bajet tahunan, setiap tahun.

Selain itu, sebagai sebuah syarikat perniagaan, Petronas juga menggunakan sebahagian daripada keuntungannya untuk pelaburan semula bagi menjana pendapatan dan untuk pentadbiran serta pengurusan syarikat mereka.

Sementara itu, menjawab soalan

Datuk Baharum Mohamed (BN-Sekijang), Perdana Menteri berkata, harga runcit minyak petrol, diesel dan gas memasak (LPG) di negara ini ditetapkan dan dikawal kerajaan melalui Mekanisme Harga Automatik.

"Penetapan dan pengawalan harga itu bertujuan memastikan ia mampu dibayar pengguna dan juga bagi mengelak berlaku inflasi akibat kenaikan

harga pasaran dunia.

"Bagi membolehkan harga minyak bahan bakar itu ditetap dan dikawal, kerajaan memberikan pengecualian cukai dan membayar subsidi, yang mana semua kos yang melebihi harga yang ditetapkan ditanggung kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bersedia untuk menetapkan harga produk petroleum di negara ini mengikut harga pasaran antarabangsa.

Bagaimanapun kata beliau, tindakan itu perlu dilaksanakan secara berhemah dan berhati-hati.

"Ia tidak boleh dilakukan sewenang-nangnya kerana kluatir boleh membebankan rakyat apabila harga minyak mentah dunia meningkat secara mendadak.

Apabila keadaan sedemikian berlaku, kerajaan akan campur tangan bagi menstabilkan harga dengan memberikan pengecualian cukai dan subsidi ke atas produk petroleum yang berkaitan bagi memastikan rakyat tidak dibeban dengan kenaikan harga itu," katanya.

### FAKTA NOMBOR

Subsidi barangan petroleum

**RM7.3b**

Pada 2006

**RM8.15b**

Pada 2005